



BINA PURI HOLDINGS BHD

Since 1975


PRESS RELEASE

Terminal tambang murah baru siap 2012

Oleh Ahmad Fiesal Othman

fsal@bharian.com.my

2010/08/31



KLIA2 bakal rangsang ekonomi, industri pelancongan negara

SEPANG: Terminal Penerbangan Kos Rendah (LCCT) baru berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang dijangka siap pada tahun 2012 dinamakan sebagai KLIA2, iaitu lapangan terbang penerbangan tambang murah terbesar di dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika mengumumkannya pada majlis pecah tanah projek itu semalam, berkata pembinaan KLIA2 yang dijangka mengambil masa 20 bulan, adalah permulaan satu lagi projek prasarana penting yang bakal merangsang pertumbuhan ekonomi serta pembangunan industri penerbangan serta pelancongan negara. "Terminal baru ini menandakan pertumbuhan negara dalam bidang penerbangan bukan saja di rantau ini, malah di dunia," katanya.

KLIA2 terletak kira-kira dua kilometer dari Terminal Utama KLIA dan berhampiran Kompleks Bunga Raya adalah terminal khusus dibina untuk penerbangan tambang murah dengan keluasan lantai 237,132 meter persegi.

Ia dibina dengan matlamat mampu mengendali sehingga 30 juta penumpang setahun, sekali gus menampung peningkatan jumlah penumpang menggunakan perkhidmatan syarikat penerbangan tambang murah. LCCT sedia ada akan dijadikan lapangan terbang kargo.

Najib berkata, sejak pengenalan syarikat penerbangan tambang murah, negara menyaksikan pertumbuhan memberangsangkan bagi perjalanan menggunakan pengangkutan udara tetapi LCCT sedia ada dengan berkeupayaan mengendalikan sehingga 15 juta penumpang setahun sudah hampir mencapai kapasiti penuh.

Beliau berkata, sejak 10 tahun lalu, perjalanan menggunakan penerbangan tambang murah di KLIA berkembang pada kadar purata 37 peratus setahun.

“Pertumbuhan dua angka dijangka berterusan untuk tempoh lima hingga 10 tahun akan datang walaupun ada saingen sengit daripada lapangan terbang besar lain di rantau ini,” katanya.

Najib berkata, pembinaan KLIA2 berbeza dengan pelan induk asal KLIA kerana penerbangan tambang murah dan pertumbuhannya sangat menggalakkan di rantau ini tidak dijangka sebelum ini.

Beliau berkata, pembinaannya perlu kerana masanya sudah sampai untuk melakukan perubahan terhadap reka bentuk terminal bagi menampung pertumbuhan pengangkutan tambang murah serta untuk terus kekal di depan dalam saingen.

“Kita menjangkakan KLIA secara keseluruhan akan mengendali lebih 60 juta penumpang menjelang 2020 dan hampir 45 peratus adalah penumpang penerbangan tambang murah,” katanya.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor
Corp Communications Dept
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail : surati@binapuri.com.my